



KENYATAAN SEBUT HARGA (SEBUT HARGA NO: KPDN(S).400-5/7/8)

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP (KPDN)

Sebutharga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang masih sah tempoh bagi menyertai sebut harga seperti berikut:-

No. Sebut Harga	Perihal Kerja	Kelayakan	Tarikh Iklan Dan Tutup Sebut Harga
KPDN(S).400-5/7/8	SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA UBAH SUAI DAN NAIK TARAF RUANG PEJABAT KETUA PENGARAH PENGUAT KUASA DI BANGUNAN KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP, PUTRAJAYA	a) Terbuka kepada kontraktor-kontraktor belia bumiputera tempatan yang telah lulus program Accelerating Future Construction Entrepreneurs (ACE) di bawah Inisiatif Bajet 2022 Kementerian Kewangan; dan b) Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dari CIDB dalam Gred G2 , Kategori B, Pengkhususan B04 atau B07 atau B28 atau CE21 ; DAN Kategori E, Pengkhususan E04 yang masih sah tempoh; dan c) Mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang masih sah tempoh; dan d) Beralamat di Wilayah Persekutuan Putrajaya atau Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau Negeri Selangor sahaja.	a) Iklan dibuka pada 29 Januari 2026 (Khamis) b) Iklan ditutup pada 16 Februari 2026 (Isnin) Taklimat dan lawatan tapak akan diadakan pada 5 Februari 2026 (Khamis) jam 10 pagi di Bilik Abdul Jabar, Aras 3 Menara, Ibu Pejabat KPDN Putrajaya, Presint 2. Pendaftaran untuk taklimat dibuka sehingga jam 9.59 pagi sahaja. Pendaftaran yang lewat dari masa ditetapkan tidak akan disenaraikan dalam senarai kehadiran. TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK ADALAH DIWAJIBKAN

- Dokumen-dokumen dan Borang Sebut Harga akan dikeluarkan secara percuma kepada penyebut harga yang hadir taklimat dan lawatan tapak sahaja dalam bentuk *softcopy* yang dihantar ke alamat emel penyebut harga yang didaftar semasa sesi taklimat. Bagi penjelasan lanjut berhubung taklimat, boleh hubungi pegawai KPDN di talian 03-8882 7024.
- Hanya **PEMILIK SYARIKAT yang DIBENARKAN** untuk menghadiri taklimat dan lawatan tapak dan dengan mengemukakan Kad Pengenalan untuk pengesahan. **Wakil syarikat adalah TIDAK DIBENARKAN.** Kegagalan mematuhi arahan ini mengakibatkan pihak tuan tidak dibenarkan menyertai tawaran sebut harga ini.
- Dokumen Sebut Harga mestilah sampai ke alamat Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Aras 6 Menara, No. 13, Persiaran Perdana Presint 2, 62623 WP Putrajaya **tidak lewat daripada jam 12.00 tengah hari pada 16 Februari 2026 (Isnin)** dan hendaklah sah selama Sembilan Puluh (90) hari selepas itu. Sebut harga mestilah dimasukkan dalam sampul surat berlakri ditanda "**SEBUT HARGA NO KPDN(S).400-5/7/8**". Dokumen yang diterima lewat, **tidak akan dipertimbangkan.** Satu (1) penyebut harga hanya dibenarkan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja. Tawaran alternatif adalah **tidak dibenarkan dan tidak akan dipertimbangkan.**